

# Tiada lagi gas ammonia

**Polis sahkan  
kilang  
memproses  
ayam selamat**

AMRAN ALI

MELAKA

**P**olis mengesahkan kawasan kilang memproses ayam di Serkam, Merlimau bebas daripada ammonia selepas kerja-kerja nyahcemar dilakukan.

Timbalan Ketua Polis Daerah Melaka Tengah, Superintendan Raiz Mukhliz Azman Aziz berkata, Pasukan Unit Bahan Berbahaya (Hazmat) Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia melakukan kerja-kerja berkenaan sebaik sahaja menerima makluman berlaku kebocoran gas itu kira-kira jam 11.30 pagi kelmarin.

Menurutnya, anggota Hazmat mengambil masa 12 jam bagi dan berjaya menutup kebocoran terakhir pada saluran paip gas kira-kira jam 2.40 pagi semalam.

"Pada jam 10.32 pagi ini (semalam), saya menerima pengesahan bahawa kilang ini bebas daripada pencemaran," katanya ketika



Raiz Mukhliz menunjukkan pelan lokasi kebocoran gas ammonia di kawasan kilang pada sidang akhbar semalam.

meninjau lokasi kejadian semalam.

Bagaimanapun katanya, Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) akan terus memastikan keselamatan kilang berkenaan.

Hadir sama, Exco Kesihatan dan Antidadah negeri, Low Chee Leong; Ketua Polis Daerah Jasin Deputy Superintendan Arshad Abu dan Pegawai Daerah Jasin, Datuk Anis Ali Hasan.

Sementara itu, beliau turut memberitahu, tiada sekolah yang ditutup dan murid yang menduduki

Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) akan menjalani peperiksaan itu sekolah masing-masing.

Beliau memberitahu, setakat ini punca kejadian masih disiasat.

Kebocoran gas itu mengakibatkan seramai 33 mangsa membabitkan pekerja kilang dikejarkan ke hospital selepas mengalami muntah, sakit mata dan sesak nafas.

Bagaimanapun setakat ini hanya 16 mangsa yang masih mendapatkan rawatan, masing-masing 12 mangsa di Hospital Melaka dan empat lagi di Hospital Jasin.